



AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN
(National Academy of Arts, Culture and Heritage)
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
(Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia)
464, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur


ASWARA
MALAYSIA
Tel: 603-2778 5999
Faks: 603-2778 5903
Portal Rasmi: www.aswara.edu.my
E-mel: info@aswara.edu.my

ASWARA/ATR 600-5 Jld.11 ()
Date : 14 Ogos 2019

CIK LIM PEI ERN
UNIT 20-19, D'AMAN RIA CONDO,
47301, PJ SELANGOR.

Cik,

JEMPUTAN KE FESTIVAL TARI ANTARABANGSA 2019 (Tari '19) 'Renewal-Dance in the 21st Century' BERTEMPAT DI ASWARA PADA 15 - 19 OKTOBER 2019

Dengan segala hormat dan takzimnya merujuk tuan/ puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman, terdapat lebih kurang 40 permohonan daripada pelbagai institusi dan organisasi dari serata dunia untuk turut serta dalam Festival Tari Antarabangsa 2019 yang akan berlangsung dari 15 hingga 19 Oktober 2019. Sejajar dengan itu, sebagai salah sebuah institusi yang turut mendokong perkembangan dan pembangunan seni tanah air khususnya bidang tari, pihak Fakulti Tari dan ASWARA dengan sukacitanya menjemput **CIK LIM PEI ERN** untuk turut serta dalam Festival Tari '19 ini dan mempersembahkan satu persembahan sewaktu 'showcase'.

3. Sehubungan itu, besarlah harapan kami kiranya pihak tuan/ puan dapat turut serta dalam program dijalankan sepanjang tarikh berlangsungnya festival ini. Kami berharap para peserta dapat menghadiri Majlis Pembukaan pada 15 Oktober 2019 (Selasa) dan Malam Gala pada 19 Oktober 2019 (Ahad) di ASWARA. Setiap kumpulan hendaklah tidak melebihi 10 orang ahli termasuk ketua kumpulan / pengarah / koreografer atau mana-mana orang lain dalam kapasiti yang berbeza (teknikal / pengurusan). Setiap persembahan juga hanya berdurasi 8-10 minit sahaja. Persembahan Showcase ini akan berlangsung di Black Box, ASWARA yang mempunyai kapasiti sebanyak 150 orang.

4. Untuk makluman, semua penyertaan adalah percuma disamping makan dan minum turut disediakan. Tempat penginapan para peserta tidak disediakan dan adalah di bawah tanggungan institusi dan organisasi tuan/puan sendiri untuk memilih tempat penginapan yang berdekatan dengan lokasi ASWARA.

"MELANGKAH KE HADAPAN BERSAMA TRADISI"

5. Penyertaan dari kumpulan tuan/ puan akan menyumbang kepada perkembangan industri seni tari di Malaysia dengan kerjasama yang terjalin dalam pertukaran idea dan memperkasa kebudayaan Malaysia di mata dunia disamping pengalaman dan pengetahuan yang bakal diperolehi bagi yang terlibat.

6. Oleh yang demikian, pihak Fakulti Tari, ASWARA amat menghargai sekiranya, pihak tuan/ puan dapat memberi maklum balas secara rasmi dengan menghantar surat melalui pos, faks atau pun email sebelum 31 Ogos 2019. Sebarang maklumat lanjut boleh berhubung dengan Cik Ng Xinying (ngxinying@aswara.edu.my) atau Pn. Norbaizura Binti Abdul Ghani (norbaizura@aswara.edu.my) ditalian Cik Ng Xinying di 0167393345 atau Pn. Norbaizura di 0166984371.

6. Penglibatan, kerjasama dan perhatian pihak tuan/ puan amat kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH”



(NORSAFINI JAFAR)

Dekan/ Pengarah Festival Tari 2019

Akademi Seni, Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Perlancongan Malaysia.